

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.06.2014**

**Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [ LIPIS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai model, peneraju dan pelopor utama dalam agenda memartabatkan sistem kewangan berasaskan syariah di peringkat antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi sokongan padu ke arah menjadikan

Malaysia sebagai peneraju sistem kewangan berasaskan syariah di peringkat antarabangsa. Untuk itu, beberapa inisiatif telah dan sedang dilaksanakan di mana melalui Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), pembangunan industri kewangan Islam adalah sebahagian daripada projek permulaannya seperti NKEA Perkhidmatan Kewangan (EPP10) yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam yang unggul. Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) pula, kewangan Islam menjadi salah satu sektor penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

2. Selain itu, pelbagai usaha juga diambil bagi menempatkan Malaysia sebagai pusat kepemimpinan pemikiran dalam kewangan Islam. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- Mempromosikan jenama kewangan Islam Malaysia melalui inisiatif *Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC)* yang dilancarkan pada tahun 2006. Pada tahun 2013, sebanyak 69% daripada jumlah sukuk global telah diterbitkan di Malaysia manakala bagi pasaran dana Islam pula sebanyak 52% daripada dana Islam baharu telah diterbitkan.
- Menyediakan prasarana khusus bagi meningkatkan kepakaran tenaga

kerja dalam industri kewangan Islam. Misalnya, Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam (INCEIF) telah menawarkan program Profesional Kewangan Islam yang Bertauliah (CIFP) dan program-program pasca siswazah kepada para pelajar daripada lebih 80 buah negara. Di samping itu, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) dan Pusat Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC) menyediakan pelbagai program latihan teknikal untuk pengamal-pengamal industri dalam bidang perbankan Islam, takaful dan pasaran modal Islam. Kerjasama antarabangsa dalam pendidikan kewangan Islam juga telah diwujudkan. INCEIF umpamanya telah bekerjasama dengan *University of East London* sejak 2013 dengan menawarkan kursus dan program berkaitan kewangan Islam.

- Meningkatkan kerjasama dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa di mana bantuan latihan teknikal dan khidmat nasihat kepada negara-negara lain yang ingin menceburi industri kewangan Islam telah diberikan. Malaysia telah menawarkan kepakaran dalam terbitan sukuk dan khidmat nasihat dalam bidang perundangan dan Syariah. Baru-baru ini, *Hong Kong Monetary Authority (HKMA)* dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah menganjurkan persidangan bersama dalam kewangan Islam untuk meningkatkan minat terhadap sukuk sebagai

pembiayaan yang berdaya saing dan instrumen pelaburan di kalangan komuniti kewangan dari Hong Kong dan negara China. Kewangan Islam juga merupakan salah satu fokus utama dalam "Kumpulan Kerja Bersama bagi Pembangunan Kerjasama Kewangan Malaysia - Jepun".